



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 2 (34)
Tarikh : 4 Januari 2021

SENARAI EDARAN

Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan,

PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN

- PENGGUNAAN KAD SISTEM BAYARAN TOL TANPA RESIT BAGI PEMBAYARAN TEMPAT LETAK KERETA BAGI KENDERAAN JABATAN

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti mana pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan sedia maklum, pengurusan kenderaan jabatan di Negeri Pahang adalah menggunakan Pekeliling Perbendaharaan PP/ WP 4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bilangan 1 Tahun 2019. Walau bagaimanapun, bagi melicinkan dan meningkatkan lagi kecekapan pengurusan kenderaan serta memenuhi keperluan semasa, maka surat edaran ini dikeluarkan untuk rujukan semua jabatan.

3. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang telah meneliti semula keperluan penggunaan kad sistem bayaran tol tanpa resit untuk tujuan pembayaran tempat letak kereta bagi kenderaan jabatan yang menjalankan tugas rasmi dan bersetuju dengan perkara seperti berikut:

- 4.1 Jabatan adalah dibenarkan untuk menggunakan kad sistem bayaran tol tanpa resit bagi tujuan pembayaran tempat letak kereta (parkir) di lokasi tugas rasmi bagi kenderaan jabatan;
- 4.2 Jabatan hendaklah memastikan tatacara pengurusan kad sistem bayaran tol tanpa resit diuruskan sebagaimana yang dinyatakan dalam WP 4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan;

4.3 Ketua Jabatan disaran untuk membekalkan satu kad bagi setiap kenderaan untuk memudahkan kawalan dan rekod penggunaan; dan

4.4 Jabatan adalah diingatkan agar sentiasa memastikan penggunaan kad tersebut adalah untuk tujuan rasmi sahaja bagi mengelakkan penyalahgunaan. Tindakan surcaj atau tatatertib atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan sekiranya terdapat unsur-unsur penyalahgunaan dan penipuan berhubung perkara ini.


5. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan adalah dengan hormatnya dipohon untuk sentiasa mematuhi tatacara pengurusan kenderaan jabatan bagi memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan sentiasa dipertingkatkan.

6. Perhatian dan kerjasama pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**